



# Berita PESUTM

## Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



### AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

#### YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

#### TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

#### SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

#### PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

#### BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

#### PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

#### BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham (019-365 7356)

#### BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

En. Muhamad Saad Sulaiman | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abriazah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

#### BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743)

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

Puan Faridah Hussein

En Abdul Hadi Othman

En. Othman Adun

### SKUDAI | 1 Februari 2024

Pada 1 Februari 2024 Persatuan Pesara UTM menganjurkan Program Bersama PESUTM Melancong ke Pantai Timur Siri 1.0 selama tiga hari. Seramai 34 orang peserta terdiri daripada pesara UTM-ahli keluarga, dan beberapa staf UTM-keluarga turut serta dalam program Pantai Timur-menjejak dua negeri iaitu Terengganu Darul Iman dan Kelantan Darul Naim.

#### # 10.00 malam | 1 Februari

Perjalanan dimulakan dari Tasik UTM menuju ke Pantai Timur. Sekitar jam 5.00 pagi 2 Februari kami sampai di Masjid Terapung Intan Zaharah di Kuala Terengganu. Di sini kami mengambil kesempatan membersihkan diri dan menunaikan solat subuh berjemaah bersama-sama penduduk setempat.

#### # 7.00 pagi | 2 Februari

Bas membawa kami ke satu pusat pasar untuk bersarapan dan membeli belah. Pasar Pusat yang dikenali sebagai Pasar Kedai Payang ini terletak di tepi Sungai Terengganu. Pasar yang berada di dalam sebuah bangunan moden yang menawarkan pelbagai aneka/jenis hasil kraftangan tradisional seperti batik, kain brocade, kain sutera, songket, barangan logam serta sayur-sayuran yang segar. Pelancong seperti kami yang berkunjung ke pasar ini berasa amat seronok berpeluang membeli barangan tempatan pada harga yang murah. Benarlah Pasar Kedai Payang ini setaraf Pasar Seni di Kuala Lumpur, justeru menjadi salah sebuah destinasi pelancong yang terkenal di Kuala Terengganu. Bahkan, pasar ini juga merupakan tempat yang tepat untuk memerhati dan memahami budaya sambil memerhati penduduk tempatan sibuk membeli-belah.

Setelah menikmati makanan tradisi orang Terengganu seperti nasi dagang, nasi ulam, laksam dan pelbagai aneka lauk-pauk serta kueh-mueh - kami membeli beraneka buah tangan untuk dibawa pulang.

#### # 9.00 pagi | 2 Februari

Kami bergerak dari Pasar Kedai Payang ke destinasi berikutnya. Sampai di jeti Taman Tamadun Islam (TTI) River Cruise jam 9.45 pagi. Sementara menunggu giliran, kami bergambar mengabadikan kenangan bersama keluarga dan sahabat-handai. Jam 10.00 pagi tibalah waktu giliran kami menaiki cruise menyusuri muara Sungai Terengganu.

Menyusuri pulau kecil Wan Man muara Sungai Terengganu dengan cruise merupakan momen indah yang memukau kerana pemandangan kiri kanan sangat menarik. Kami dapat melihat Masjid Kristal, masjid pertama yang dibina dari keluli dan kaca, hanya 2% dari kristal – bahagian mana kristal ini ada kesempatan datang lihat dengan mata sendiri, dapat melewati Terengganu Drawbridge yang popular di Terengganu, ada restoran terapung dan juga jeti-jeti nelayan di gigi air. Ramai jugak kalangan kami menaiki feri untuk bergambar kenangan.

# 11.00 pagi | 2 Februari

Lawatan diteruskan ke Taman Tamadun Islam ditandai dengan Taman Monumen. Di sini terdapat monumen 22 buah masjid dari 21 buah negara di seluruh dunia. Antaranya Masjid Nabawi, Masjidil Haram (Saudi), Taj Mahal (India), Aleppo Citadel (Syria), Dome of the Rock (Palestin), Mimbar Xian (China), Masjid Besar Agadez (Nigeria), Al-Hambra Citadel (Spain), Masjid Kul Syarif (Rusia), Masjid Besar Qairawan (Tunisia) dan beberapa lagi monumen dari negara-negara lain. Monumen ini merupakan mercu tanda kedatangan dan pembangunan Islam di negara-negara tersebut yang dibina dengan skala kecil yang berkadaran dengan saiz asalnya. Sebahagian daripada kami melawat dengan berjalan kaki dan sebahagian menaiki tram (bayaran RM6 seorang). Setelah letih berjalan kami meneruskan perjalanan ke destinasi berikutnya.





**TANDA TIKET / TICKET PRICES**  
**TTI River Cruise**

Individu / Individual		Keluarga Family	
Dewasa (13 - 59 tahun) Adult (13 - 59 years)	RM 25.00	TTI RIVER CRUISE SAHAJA TTI RIVER CRUISE ONLY	
Kanak-Kanak (7-12 tahun) Child (7 - 12 years)	RM 20.00	2 Dewasa + 2 Kanak-Kanak 2 Adults + 2 Childs	RM 77.00
Warga Emas (60 tahun & ke atas) Senior Citizen (60 years & above)	RM 20.00	Dewasa (13 - 59 tahun) Adult (13 - 59 years)	RM 22.00
Kanak-Kanak (3-6 tahun) Child (3-6 years)	RM 12.00	Kanak-Kanak (7-12 tahun) Child (7 - 12 years)	RM 18.00
OKU DEWASA RM 15.00 KANAK-KANAK RM 12.00		Warga Emas (60 tahun & ke atas) Senior Citizen (60 years & above)	RM 18.00
<b>Pakej 2 IN 1</b> (Taman Monumen + TTI River Cruise)		<b>Berkumpulan Group</b> Min. 20 dewasa (Min. 20 adult)	
<b>2 IN 1 Package</b> (Monument Park + TTI River Cruise)		Dewasa (13 - 59 tahun) Adult (13 - 59 years)	RM 33.00
Dewasa (13 - 59 tahun) Adult (13 - 59 years)	RM 40.00		
Kanak-Kanak (7-12 tahun) Child (7 - 12 years)	RM 33.00		







# 1.00 tengah hari | 2 Februari

Bas kami mula bergerak ke Kelantan. Dalam perjalanan kami singgah di gerai keropok losong yang popular di Terengganu. Kalangan kami ada yang membeli keropok lekor yang dah digoreng untuk di makan, manakala yang mentah untuk dibawa pulang sebagai buah tangan.

Kami singgah di RNR Hentian Rahmat untuk makan tengah hari dan solat sebelum meneruskan perjalanan ke tempat penginapan. Jam 5.30 petang kami sampai di hotel penginapan iaitu Hotel Mewah Impiana, di Kota Bharu Kelantan.




# 7.30 pagi | 3 Februari

Perjalanan ke Pasar Besar Siti Khatijah. Kami bersarapan pagi dengan menu Pantai Timur yang enak dan lazat yang biasanya dinikmati di Johor Bahru tetapi kali ini asli dari pantai timur. Di Pasar Besar Siti Khadijah ini juga pelbagai ole-ole dibeli untuk dibawa pulang. Paling popular serunding daging, keropok keping, kerepek, kraftangan (barangan anyaman, barangan ukiran), pakaian wanita (kain batik, baju sutera, tudung bawal, kain sarung), telekung, sejadah, barang-barang perkahwinan dan macam-macam lagi. Kami diberikan masa sehingga pukul 10.30 pagi untuk bersiap sedia dan check out hotel untuk perjalanan seterusnya ke Rantau Panjang.



# 12.00 tengah hari | 3 Februari

Sampai di Pekan Rantau Panjang. Masing-masing sangat teruja walaupun dimamah cuaca panas lit-lit tapi disebabkan godaan syurga membeli belah, terik dek panas pun dirasakan macam berada di bilik berhawa dingin. Aktiviti beli belah diteruskan lagi dengan pelbagai barangan sama ada untuk kegunaan harian ataupun makanan. Waktu ini juga kami mengambil kesempatan menikmati makanan siam yang didagangkan ternyata tak menghampakan - menyelerakan.



Jam 2.00 petang kami bergerak melawat Masjid Ar Rahman di Kubang Batang bagi menunaikan tanggungjawab kepada sang pencipta. Masjid ini binaannya penuh dengan marmar yang berukir cantik amat halus buatannya.

Usai di masjid kami meneruskan perjalanan ke Setiu Terengganu untuk menikmati ICT (Ilang Celup Tepun) kami singgah di Restoran Sri Penarek untuk menikmati menu jualan ketika ini jam sudah menunjukkan pukul 6.30 petang – makan malam. Kami menikmati ikan udang sotong cendawan dan lain-lain di samping hidangan lain bagi mengisi perut sebelum pulang ke Skudai.



# 8.00 malam | 3 Februari

Selesai makan kami bergerak meninggalkan negeri Terengganu menuju ke Skudai. Di pertengahan jalan kami singgah di RNR Lebu Raya Pantai Timur untuk mengerjakan solat dan meneruskan perjalanan dan alhamdulillah kami sampai dengan selamat di Tasik UTM jam 4.30 pagi.

Demikian coretan Program “Bersama PESUTM Melancong Ke Pantai Timur Siri 1.0.” Kepada yang ingin turut serta Program “Bersama PESUTM Melancong Ke Pantai Timur Siri 2.0” pada 29 Feb - 2 Mac 2024 boleh hubungi urus setia program untuk pendaftaran. Pasti tidak mengecewakan.



# MASJID AR RAHMAN KUBANG BATANG





